

**SOALAN NO. 36****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT YB PUAN TERESA KOK  
SUH SIM [SEPUTEH]

**TARIKH :** 26 JULAI 2017

**SOALAN :**

**YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pelajar yang memperoleh keputusan 9A+ dalam SPM diberi biasiswa Kerajaan di bawah program Penajaan 9A+, manakala pelajar yang dapat 7A boleh diberi biasiswa untuk belajar di luar negara di bawah program JKPJ. Apakah rasional syarat penerimaan biasiswa yang berbeza ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menggunakan Model Baharu Penajaan yang berteraskan merit dan inklusiviti, fokus kepada kumpulan B40, M40 serta Pendidikan Teknikal, Vokasional dan Latihan (TVET).

Bagi tahun 2017, Kerajaan bersetuju penajaan ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 di bawah Program Penajaan 9A+. Penajaan ini merupakan inisiatif Kerajaan bagi mengiktiraf kecemerlangan akademik pelajar sekaligus menyokong hasrat kerajaan dalam memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi di dalam Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penajaan ini ditawarkan secara automatik kepada pelajar berdasarkan kepada merit akademik semata-mata tanpa pelajar perlu melalui sebarang proses pemilihan seperti temuduga dan sebagainya. Pelajar bebas memilih bidang pengajian yang akan diikuti berdasar minat dan kecenderungan pelajar dan pelajar juga bebas memilih institusi pengajian sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara.

Di bawah program ini pelajar akan ditaja daripada peringkat persediaan sehingga peringkat Ijazah Pertama di institusi berkenaan. Bilangan pelajar yang ditaja di bawah program ini adalah seramai 461 orang berdasarkan jumlah pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan SPM 2016.

Penajaan JPA bagi Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) bagi tahun 2017 disediakan sebanyak 200 tempat yang merupakan penajaan kepada pelajar lepasan SPM 2016 bagi mengikuti pengajian peringkat persediaan dan Ijazah Pertama dalam bidang kejuruteraan di negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman. Pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 7A dalam SPM 2016 bagi mata pelajaran yang ditetapkan layak memohon penajaan ini.

Penajaan ini tidak ditawarkan secara automatik sebaliknya pelajar perlu melalui proses pemilihan yang ditetapkan oleh JPA yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Tapisan *Student Assessment Centre (SAC)*;
- ii. Temuduga;
- iii. Pencapaian akademik;
- iv. Pemarkahan kokurikulum; dan
- v. Kedudukan sosio-ekonomi keluarga pelajar.

Di bawah program ini, pelajar hanya boleh mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan di universiti yang ditetapkan oleh Kerajaan. Penilaian menyeluruh ini dibuat untuk membolehkan pihak Kerajaan menghantar pelajar yang sesuai bagi memenuhi keperluan pengajian di negara berkenaan.

Walaubagaimanapun, pelajar-pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 9A+ dalam peperiksaan SPM juga boleh memohon penajaan JPA bagi program khas JKPJ.

Sekian, terima kasih.